

KUALA LUMPUR, 7 MACH (BERNAMA) - BAHASA KEBANGSAAN PATUT DI-GUNAKAN SA-BAGAI BAHASA PENGHANTAR YANG TUNGGAL DALAM PELAJARAN UNIVERSITI, Pengerusi Majlis Pelajaran Tinggi, DR. MAHATHIR BIN MOHAMED, berkata malam tadi.

BELIAU BERKATA, BAHASA INGGERIS PATUT DI-ANGGAP SA-BAGAI SALAH SATU BAHASA ASING DAN DI-GUNAKAN UNTUK KURSUS2 LANJUTAN SISWAZAH (POSTGRADUATE STUDIES) SAHAJA.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA MEMBERI CHERAMAH MENGENAI +DASAR PELAJARAN TINGGI MALAYSIA+ DI-MAJLIS JAM'AN MALAM ANJORAN PERSATUAN KELUARAN2 UNIVERSITI MALAYA DI-SINI.

KATA-NYA: +BAHASA KEBANGSAAN PATUT DI-GUNAKAN SA-BAGAI BAHASA PENGHANTAR DALAM SEMUA PELAJARAN DI-NEGERI INI.+

BELIAU BERKATA, JIKA BAHASA KEBANGSAAN TIDAK DAPAT DI-GUNAKAN SA-BAGAI BAHASA PENGHANTAR SEKARANG, IA-NYA BUKAN KERANA KEKURANGAN GURU ATAU BUKU2 TEKS TETAPI KERANA +TIDAK ADA KEMAHUAN.+

BAHASA KEBANGSAAN ADA-LAH MUSTAHAK UNTUK MEWUJUDKAN IDENTITI NEGARA, KATA-NYA. - BERSAMBONG. 1042.

PELAJARAN 3 KUALA LUMPUR

JIKA PERKARA ITU BERLAKU, IA-NYA KELAK AKAN MENURUNKAN NILAI IJAZAH YANG DI-KELUARKAN OLEH UNIVERSITI TERSEBUT, KATA BELIAU.

DR. MAHATHIR BERKATA, DASAR PELAJARAN MESTI-LAH DI-SUSUN UNTUK MEMBERI FAEDAH LEBEH KAPADA KAUM BUMIPUTRA UNTUK MENGURANGKAN JURANG PERBEDZAAN DALAM PELAJARAN ANTARA BUMIPUTRA DAN ORANG2 BUKAN BUMIPUTRA.

TERDAHULU DARI ITU, PARA HADZIRIN TELAH BERTAFKUR SA-LAMA SA-MINIT KERANA MEMPERINGATI ALLAHYARAHAM PROFESSOR DATO (DR.) UNGKU OMAR AHMAD.

TURUT HADZIR DI-MAJLIS TERSEBUT IA-LAH NAIB-CHANCELLOR UNIVERSITI MALAYA, PROFESSOR UNGKU ABDUL AZIZ. - BERNAMA. 1057.

PELAJARAN 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MERAYU KAPADA AHLI2 SEMUA PERSATUAN YANG BERSANGKUT PAUT DENGAN PELAJARAN SUPAYA MENGEMUKAKAN SHOR2 MEREKA MENGENAI PELAJARAN TINGGI KAPADA MAJLIS TERSEBUT.

KATA-NYA, DASAR PELAJARAN MESTI-LAH DI-SUSUN KA-ARAH KEHENDAK2 NEGARA. TITEK BERAT HENDAK-LAH DI-BERI KAPADA PELAJARAN2 SAINS DAN TEKNIK.

BELIAU BERKATA, MALAYSIA MUNGKIN TIDAK DAPAT MEMEGANG TERAJU UTAMA DI-DALAM BIDANG SAINS DAN DARI SUDUT KEPERLUAN NEGARA +KITA TIDAK SANGAT MEMERLUKAN PAKAR2 SAINS YANG BOLEH MEMBUAT REKAAN UNTUK PERGI KA-BULAN DAN SEBAGAI-NYA.

+APA YANG KITA PERLU IA-LAH AHLI2 SAINS YANG BOLEH MENGHASILKAN REKAAN2 YANG PREKTIK SA-LARAS DENGAN KEHENDAK2 TEMPATAN KA-ARAH PEMBANGUNAN NEGARA,+ KATA-NYA.

DR. MAHATHIR BERKATA, ADA-LAH PERLU BAGI MENGADAKAN KAJIAN MENGENAI KEMAJUAN DAN KEHENDAK2 SEMUA BIDANG EKONOMI DAN PERTADBIRAN.

+UNIVERSITI DI-NEGERI INI HARUS MENGELUARKAN SISWAZAH2 SA-LARAS DENGAN KEHENDAK2 PEMBANGUNAN. JIKA TIDAK NESCHAYA RAMAI DI-ANTARA MEREKA AKAN MENGANGGOR ATAU PUN TERPAKSA MENERIMA PEKERJAAN2 YANG KURANG BAIK.+ TEGAS BELIAU. - BERSAMBONG. 1046.